

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI ISNIN : 30 OKTOBER 2023

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 52)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan usaha Kerajaan dalam mengawal harga barang seperti gula, beras dan barang-barang asas lain yang kini banyak membebankan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil perhatian serius terhadap perkara dan isu berbangkit berkaitan harga barangan keperluan rakyat yang memberikan kesan terhadap kos sara hidup.

Kadar harga barangan keperluan rakyat dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman meliputi sistem ekonomi, dasar dan perundangan negara. Sejak sekian lama Malaysia mengadaptasi sistem ekonomi pasaran bebas (free market economy) yang antaranya menjadikan harga barangan dipengaruhi oleh faktor penawaran dan permintaan (supply and demand). Mengambil kira sejak sekian lama sumber bekalan barangan keperluan rakyat khususnya makanan juga bergantung kepada import pada skala yang besar, faktor luar termasuk senario geopolitik dunia, kesan perubahan iklim dan lain-lain amat terkait dengan kadar penawaran dan harga barangan di pasaran tempatan.

Sementara itu, trend kadar harga barangan keperluan rakyat dizahirkan melalui kadar inflasi negara yang diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP). Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melaporkan kadar inflasi yang berkadar sama bagi bulan Julai dan Ogos 2023 iaitu 2.0 peratus, sementara kadar terkini iaitu September 2023 adalah 1.9 peratus.

Pada masa yang sama, di peringkat KPDN, pemantauan harga barangan secara harian dilaksanakan melalui Pegawai Pemantau Harga (PPH) di semua daerah. Selain menjadi asas untuk meneliti trend dan kadar harga barangan di pasaran, dapatan pemantauan harga barangan harian boleh diakses oleh awam secara atas talian melalui aplikasi PriceCatcher untuk membolehkan pengguna menyemak maklumat dan membuat perbandingan harga untuk lebih 400 barangan di pasaran mengikut lokaliti.

NO SOALAN : 10

Usaha untuk menangani kos sara hidup rakyat dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan dan tidak seharusnya hanya tertumpu kepada mekanisme kawalan harga barang. Kawalan harga perlu diimbangi dengan keperluan memastikan wujudnya ekosistem perdagangan dalam negeri yang sihat, mampan dan progresif yang juga merupakan antara teras kefungsi KPDN. Kebergantungan kepada mekanisme kawalan harga bukan hanya membawa implikasi kewangan dan subsidi yang besar, malah dikhuatiri boleh mengganggu dan memberikan kesan kepada akses rakyat kepada keterjaminan sumber bekalan barangan keperluan yang mencukupi di pasaran.

Langkah-langkah yang diambil untuk menangani kos sara hidup rakyat dilaksanakan merentasi pelbagai kementerian dan agensi dengan bidang tanggungjawab masing-masing merangkumi keterjaminan bekalan makanan, penguatkuasaan dalam pelbagai aspek seperti kawalan bekalan, harga, perlindungan pengguna dan pencatutan serta strategi membantu peningkatan pendapatan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan manfaat yang dibawa oleh pelaksanaan inisiatif Dana Kandungan Digital (DKD) kepada sektor ekonomi dan kreatif negara bagi tahun 2021 dan 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KKD sentiasa cakna dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membangun dan memperkasakan industri filem, muzik dan teknologi kreatif melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (MyCV) yang merupakan agensi di bawah seliaan KKD.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah melalui Dana Kandungan Digital (DKD) yang secara umumnya memfokuskan kepada pembangunan industri kreatif dalam sektor perfileman, kandungan digital dan muzik bertujuan untuk menggalakkan penghasilan, penerbitan, dan penyebaran kandungan kreatif yang berdaya cipta dan berpotensi tinggi untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Pemberian DKD telah memberikan pelbagai manfaat kepada industri kreatif seperti bantuan kewangan, akses pasaran, promosi dan sebagainya sekali gus menyumbang kepada sektor ekonomi industri kreatif. Pada tahun 2021 dan 2022, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM107 juta bagi melaksanakan sebanyak 970 projek di bawah program DKD. Pelaksanaan ini turut memberikan 15,351 peluang pekerjaan kepada penggiat industri kreatif.

Pelbagai kejayaan telah dilakar pada tahun tersebut hasil daripada pelaksanaan program-program di bawah DKD. Contohnya, di bawah DKD teknologi kreatif seperti animasi, permainan digital dan komik digital yang ditawarkan oleh MDEC merangkumi bantuan kewangan, akses pasaran, pendedahan kepada pembeli, penerbit atau pelabur melalui program pembangunan perniagaan serta program *mentorship*. Sebanyak 59 buah syarikat telah mendapat manfaat di mana 765 perkerjaan baharu telah diwujudkan pada tahun 2021 dan 2022. Berikut adalah antara kejayaan syarikat-syarikat penerima DKD:

- (i) Animasi Kisah Bawah Tanah oleh Spaceboy Studios yang telah mewakili Malaysia di peringkat Asia dan memenangi Pingat

SOALAN NO: 11

Perak di Anugerah Digicon6 bertempat di Tokyo, Jepun pada tahun 2022;

- (ii) Animasi Ustaz Kartun dan Robojim (TV Al-Hijrah) oleh syarikat Anithink telah memenangi Rancangan Kanak-kanak TV Terbaik di Anugerah Seri Angkasa pada tahun 2022; dan
- (iii) Bubu Lala oleh Yeah Yeah Studio yang berjaya mendapat pelaburan daripada platform Durioo+, sebuah platform kandungan digital tempatan yang mengetengahkan kandungan bercorak islamik.

Bagi penerima DKD filem pula terdapat penerima DKD yang telah berjaya mendapat pengiktirafan antarabangsa dan mengharumkan nama negara di mata dunia seperti filem *Tiger Stripes* yang memenangi anugerah utama Grand Prix di *62nd Semaine de la Critique* (Cannes Critics' Week) di Festival Filem Cannes ke-76, filem *Barbarian Invasion* memenangi filem terbaik di Asian Film Festival ke-20 di Rome, Itali dan filem *Imaginur* telah membuat tayangan perdana dan dicalonkan Filem Cereka Terbaik (*Uncaged Award For Best Feature Film Competition*) di New York Asian Film Festival Ke-20 di New York, Amerika Syarikat. DKD turut melahirkan beberapa filem filem tempatan yang bernilai komersil tinggi dengan kutipan keseluruhan melebihi RM115 juta seperti seperti *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan*, *Air Force The Movie: Selagi Bernyawa*, *Coast Guard Malaysia: Ops Helang* dan *Imaginur*.

Penggiat industri muzik juga turut mendapat manfaat DKD yang disediakan oleh MyCV melalui persembahan muzik dan penganjuran konsert seperti *Saujana 25*, *Konsert Double Trouble*, *Konsert SOG*, *Barbarik Pentas Keras*, *City Roars* dan lain-lain. Selain itu, penyertaan penggiat dan karya muzik yang berpotensi disokong dan dibantu melalui Dana Pemasaran dan Promosi Antarabangsa untuk meningkatkan akses seni muzik Malaysia keluar negara. Antara penggiat industri kreatif yang telah menerima manfaat di bawah DKD ialah Mior Luqman Hakim, Heerraa, Ketty Natalia, Santosh dan Sivabalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR
[KETEREH]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan banyak projek-projek perumahan yang tergendala di mana pembeli masih meneruskan pembayaran sedangkan projek tersebut sudah berhenti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, projek-projek perumahan swasta tergendala boleh dikategorikan sebagai sakit atau terbengkalai. Sesuatu projek dikategorikan sakit sekiranya projek masih dalam tempoh Perjanjian Jual Beli (PJB) tetapi mengalami kelewatan melebihi 30% berbanding jadual kerja di dalam PJB. Sesuatu projek akan diangkat untuk disahkan sebagai projek terbengkalai oleh YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 11(1)(c), Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] sekiranya memenuhi kriteria berikut:

- (a) projek yang tidak siap dalam atau luar tempoh PJB dan tiada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan

SOALAN NO : 12

- selama enam (6) bulan secara berterusan; atau
- (b) petisyen penggulangan telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 218 Akta Syarikat 1966; atau
 - (c) syarikat diletakkan di bawah Pegawai Penerima dan Pengurus (*Receiver & Manager*); atau
 - (d) pemaju mengakui tidak berupaya secara bertulis kepada Pengawal Perumahan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berusaha mencari penyelesaian projek perumahan bermasalah dengan mewujudkan pasukan *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TSFT). TSFT memberi penekanan kepada, empat (4) elemen utama sebagai terma rujukan (*Terms of Reference*, TOR) tindakan dan inisiatif yang dijalankan bagi menangani projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai, iaitu pengenalpastian (*tracking*), penyelesaian (*resolve*), pencegahan (*preventive*) dan cadangan model ke hadapan (*forward modelling*). *Task Force* ini juga akan membuat *facts finding* dan *due diligence* untuk mengenal pasti cara terbaik menyelesaikan masalah kronik projek perumahan.

Menerusi tindakan pengenalpastian (*tracking*), TFST meneliti data-data sedia ada serta mengenal pasti projek-projek yang berisiko untuk menjadi projek sakit dan terbengkalai serta langkah-langkah pencegahan dan penyelesaian ditumpukan kepada projek-projek berkenaan. Data-data ini sentiasa dipantau dan dikongsikan kepada umum melalui sidang media secara berkala. Daripada tindakan pengenalpastian ini juga, pemulihan dapat dirancang dengan terperinci dan penyelesaian berfokus dapat dijalankan.

Menerusi tindakan pencegahan dan penyelesaian pula, kelancaran projek dibantu dengan mengadakan pemantauan, lawatan tapak serta sesi libat urus bersama agensi-agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Isu-isu teknikal seperti penyiapan komponen infrastruktur, bekalan elektrik, lampu jalan, jalan raya serta sistem kumbahan dibincangkan dan dimudahcara bersama semua pihak yang terlibat sehingga projek memperolehi Sijil Perakuan Siap (CCC) atau Sijil Kelayakan Menduduki (CFO).

SOALAN NO : 12

Menerusi mekanisma model ke hadapan (*forward modelling*), Kementerian akan melibatkan lebih banyak pihak dalam industri untuk mendapatkan pandangan dan idea dari perspektif yang lebih meluas. Mekanisma ini dilaksanakan melalui program seperti kerjasama pintar (*smart partnership*) bersama Kerajaan Negeri, Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri, PBT, agensi kerajaan, agensi teknikal, dan pemaju bagi mencari jalan penyelesaian bersama.

TFST sentiasa mencari alternatif terbaik yang bersesuaian dan efektif dalam mencegah serta memulihkan projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai. Bagi membantu para pembeli yang terkesan, KPKT mengambil inisiatif mengeluarkan surat pengesahan status projek kepada pembeli untuk dikemukakan kepada KWSP, bank-bank pembiaya serta LPPSA bagi mempertimbangkan kadar faedah dan penstrukturan semula bayaran pinjaman, serta permohonan kali kedua pengeluaran KWSP bagi tujuan pembelian rumah. Kelulusan pengurangan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman ini adalah tertakluk kepada budi bicara pihak pembiaya. KPKT turut mengadakan libat urus dengan pihak bank bagi memanjangkan perkara ini untuk perhatian bank-bank pembiaya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan serta memperhalusi cadangan untuk membenarkan pelarian yang telah berdaftar di bawah UNHCR untuk menyertai beberapa sektor ekonomi berbanding daripada meningkatkan kuota pengambilan pekerja asing.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL
SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai makluman, pada masa ini Kerajaan telah pun mempertimbang dan memperhalusi cadangan untuk membenarkan golongan pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar dengan pihak UNHCR untuk mendapatkan pekerjaan bagi tujuan menyara hidup.

2. Penelitian terperinci terhadap kebenaran ini perlu dilaksanakan agar ianya tidak akan menjadi suatu bentuk persaingan terhadap pekerja tempatan serta menjadi faktor penarik

(*pull factor*) kepada kemasukan lebih ramai warganegara asing yang berselindung di sebalik status pelarian dan pemohon suaka daripada pihak UNHCR.

3. Bagi maksud ini, Kerajaan juga sedang mewujudkan sistem pendataan pelarian di peringkat Kerajaan iaitu selain berdaftar di bawah UNHCR, golongan ini juga perlu berdaftar dengan Kerajaan. Mekanisme pendaftaran dengan Kerajaan ini akan dimuktamadkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN). Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga sedang meneliti mekanisme yang bersesuaian bagi membenarkan golongan pelarian yang berdaftar dengan UNHCR untuk mendapatkan pekerjaan. Walaubagaimanapun ianya adalah terhad kepada bidang pekerjaan 3D (*Dirty, Dangerous and Difficult*).

4. Kerajaan berhasrat untuk memberikan kebenaran bekerja kepada pelarian di bawah kategori pekerja tidak mahir dengan menggunakan kuota majikan sedia ada. Calon majikan diwajibkan mematuhi syarat-syarat kelayakan semasa serta Dasar Penggajian Semasa dan Perundangan Perburuhan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah mengadakan beberapa siri libat urus bersama pihak *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) bagi mendapatkan profil pelarian meliputi tahap pendidikan, kemahiran dan jenis pekerjaan yang diceburi termasuk cadangan untuk mempelajari amalan terbaik daripada negara seperti Filipina dan Turkiye.

5. Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan mengetuai Jawatankuasa Kerja Kebenaran Bekerja Untuk Pelarian yang mana fungsi utama Jawatankuasa ini adalah untuk mengendalikan urusan mengenai kebenaran bekerja untuk pelarian dalam pelbagai sektor yang dirasakan sesuai dan mengikut keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bahawa apakah inisiatif Kementerian Pertahanan bagi membaik pulih dan meningkatkan (*upgrade*) fasiliti rekreasi bagi keluarga angkatan tentera yang berpangkat rendah seperti fasiliti rekreasi di Kelab Pantai Kem Terendak yang sudah berada pada kondisi yang amat daif (*run down*).

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai makluman, peruntukan senggaraan yang diterima adalah memfokuskan kepada kebajikan anggota dengan keutamaan terhadap keperluan asas iaitu senggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan bangunan-bangunan teknikal. Di samping itu, kemudahan rekreasi juga turut diberi perhatian tertakluk kepada jumlah peruntukan yang diterima.

2. Pada masa ini, pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sedang menyediakan cadangan menaik taraf Kelab Mutiara, Kem Terendak yang melibatkan skop kerja senggaraan kolam renang, bangunan kelab dan fasiliti yang berkaitan secara keseluruhan. Namun begitu, keutamaan pelaksanaannya adalah bergantung kepada jumlah peruntukan yang akan disalurkan serta keupayaan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dasar yang baru supaya penglibatan yang lebih menyeluruh Ahli Parlimen dalam penyeragaman dasar tempatan masing-masing supaya Ahli Parlimen mempunyai penglibatan langsung dalam pelaksanaan dasar tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, perkara berkaitan Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, sesuatu dasar baharu berkaitan Kerajaan Tempatan yang ingin diperkenalkan dan dilaksanakan sama ada untuk keseragaman atau disesuaikan mengikut keperluan setempat boleh dirundingkan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri melalui Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) selaras dengan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan. Antara contoh dasar-dasar terkini yang telah dirundingkan dan diluluskan melalui Mesyuarat MNKT pada tahun 2023 adalah:

- a) Pelaksanaan Pertukaran Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tanpa Perubahan Pihak Berkuasa Melantik;

SOALAN NO : 15

- b) Pindaan Jadual Kedua, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757];
- c) Pengukuhan Mekanisme Pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri Dalam Industri Pembinaan bagi Sektor Swasta; dan
- d) Inisiatif Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan oleh Profesional Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi Projek Bangunan Kerajaan yang Dilaksanakan Secara Kaedah Konvensional Dalaman JKR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan statistik remaja yang menggunakan aplikasi seks songsang dan sejauh mana kerjasama rentas Kementerian telah dijalankan bagi menangani isu seks bebas yang menggunakan aplikasi dalam talian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) tidak mempunyai statistik remaja yang menggunakan aplikasi seks songsang atau tidak bermoral dalam talian mengambil kira perkara tersebut di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM). Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa bersedia dalam memberikan bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat, analisis forensik digital serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa untuk menangani kes-kes berunsur lucah dalam talian.

Berdasarkan aduan awam serta pemantauan yang dijalankan, SKMM melaksanakan tindakan sekatan dari semasa ke semasa ke atas laman-laman sesawang yang berunsur lucah dalam talian. Bagi tempoh antara tahun 2018 sehingga 31 Ogos 2023, SKMM telah melaksanakan tindakan sekatan ke atas sejumlah 6,997 ke atas laman berunsur lucah. SKMM akan melaksanakan tindakan sekatan ke atas laman sesawang berunsur lucah berdasarkan pemantauan dan aduan yang terima.

Dalam konteks kerjasama rentas dalam menangani masalah tersebut, KKD sentiasa bekerjasama dengan kementerian lain menerusi program-program advokasi dan kesedaran kepada masyarakat mengenai usaha perlindungan remaja terhadap isu seks bebas yang menggunakan aplikasi dalam talian. Antaranya menerusi kolaborasi dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membangunkan beberapa modul pendidikan dan latihan yang melibatkan topik perlindungan remaja dalam talian seperti Modul Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) dan Modul Smart Start 2.0 Pra-Perkahwinan bersama Lembaga Pembangunan Populasi dan Keluarga Negara (LPPKN) serta Program Ekspresi Anak Remaja Lestari (PEARL). Kerjasama ini turut diperluaskan bersama pertubuhan bukan kerajaan seperti Pertubuhan Pengakap Malaysia, institusi pengajian tinggi, dan pihak industri.

SOALAN NO : 16

Selain itu, KKD juga mendekati golongan pendidik dan pelajar di sekolah-sekolah serta ibu bapa melalui inisiatif Klik Dengan Bijak (KDB) dan Sukarelawan ICT Malaysia (*MIV - Malaysia ICT Volunteer*) yang memberi latihan kemahiran kepada golongan pelindung remaja. Sejak dilancarkan pada tahun 2016, program MIV telah melatih seramai 2,814 orang guru sukarelawan MIV di kalangan guru sekolah rendah dan menengah melibatkan 2,282 buah sekolah di seluruh negara. SKMM juga bekerjasama dengan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dalam menganjurkan seminar perlindungan kanak-kanak dan remaja dalam talian untuk ahli akademik, pengamal media dan pihak yang berkepentingan.

Bagi mengupayakan golongan ibu bapa mahupun penjaga dalam mengawal selia penggunaan kemudahan komunikasi oleh anak-anak mereka, SKMM telah bekerjasama dengan lima penyedia perkhidmatan di Malaysia iaitu CelcomDigi, UMobile, Maxis, Telekom Malaysia (TM) dan TIME dalam menyediakan kemudahan yang dikenali sebagai *Parental Control Tools*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah DBKL bercadang untuk membina sebuah pasar penjaja berpusat yang melambangkan masyarakat majmuk berteraskan kebudayaan nasional di Bandaraya Kuala Lumpur dan mampu menarik lebih ramai pelancong.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada masa ini menguruskan sebanyak 184 buah pasar yang terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu Pasar Berbangunan, Pasar Terbuka dan Pasar Malam. Selain itu, DBKL turut menguruskan 68 Pusat Penjaja di sekitar Kuala Lumpur.
2. Pasar dan Pusat Penjaja ini menempatkan peniaga yang terdiri daripada pelbagai kaum yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan. Antara lokasi yang sering menjadi tumpuan pelancong adalah di Pasar Malam Jalan Tuanku Abdul Rahman (Jalan TAR), Penjaja Jalan Petaling (*Petaling Street*) dan Penjaja Jalan Alor.

NO SOALAN : 17

3. Dalam usaha ke arah menjadikan Pasar dan Pusat Penjaja sebagai salah satu lokasi tarikan pelancong di ibu kota, Kerajaan yang prihatin sedang giat melaksanakan penambahbaikan dengan pelaksanaan Projek Pengindahan dan Naik taraf Pasar dan Pusat Penjaja yang melibatkan 33 buah Pasar dan Pusat Penjaja untuk memberi nafas baharu serta meningkatkan taraf kehidupan golongan peniaga kecil yang terdiri daripada pelbagai kaum.

4. Fokus utama projek ini adalah untuk menjadikan Pasar dan Pusat Penjaja DBKL lebih kondusif dan berdaya saing kepada para peniaga dan pengunjung. Pelaksanaan naik taraf Pasar dan Pusat Penjaja tersebut dilaksanakan secara berfasa mulai tahun 2023 hingga 2024. Terkini, YAB Perdana Menteri telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Lestari Niaga @ Kuala Lumpur D'Medan Selera Madani Kompleks Tun Sambanthan, Brickfields bagi tujuan naik taraf kemudahan sedia ada.

5. Usaha yang berterusan ini membuktikan konsep Malaysia MADANI sememangnya rahmat buat semua penjaja yang terdiri daripada pelbagai kaum di seluruh Wilayah Persekutuan. Oleh yang demikian, buat masa ini tiada keperluan untuk membina pasar penjaja berpusat baharu sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN MESYUARAT DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS (2023)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kemudahan lif bagi pembinaan rumah flat PPR yang melebihi 3 tingkat termasuk *ground floor* dan dengan keluasan yang lebih selesa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, pembinaan kediaman di Malaysia perlu merujuk kepada Standard Perumahan Kebangsaan 2019 yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Kerajaan turut mengguna pakai piawaian spesifikasi rekabentuk sejagat (*universal design*) dalam rekabentuk bangunan dan komponen kemudahan sokongan yang mengambil kira keperluan golongan dewasa, kanak-kanak, warga tua dan Orang Kurang Upaya (OKU).

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil maklum akan keperluan lif bagi rumah pangsa *walk-up* khususnya untuk warga emas dan OKU. Kajian terperinci perlu dibuat bagi meneliti kos pembangunan dan kos penyelenggaraan lif untuk jangka panjang. Justeru, buat masa ini, pengisian untuk warga emas dan OKU di perumahan PPR dibuat di aras bawah PPR sahaja.

Kerajaan akan sentiasa menambah baik dasar dan garis panduan sedia ada bagi memastikan semua golongan termasuk golongan OKU turut disantuni dalam penyediaan bekalan perumahan dan juga spesifikasi perumahan agar lebih memberikan keselesaan kepada golongan OKU dan golongan rentan yang lain.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua juga, pada tahun 2022, Kerajaan telah bersetuju dengan hala tuju baharu pelaksanaan PPR dengan penetapan saiz keluasan yang baharu bagi PPR yang akan dibangunkan iaitu seluas 750 kaki persegi selaras dengan hasrat Kerajaan bagi meningkatkan daya huni penduduk PPR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK
BRODI [SRI AMAN]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan usaha dan tindakan Kementerian dalam menangani masalah internet di bangunan Hospital Sri Aman dan kawasan di pedalaman Sri Aman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa berusaha menyediakan liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk di seluruh negara bagi memastikan rakyat di Malaysia termasuklah di kawasan luar bandar dan pedalaman mendapat perkhidmatan internet yang berkualiti.

Bagi menangani masalah internet di Parlimen Sri Aman termasuklah kawasan pedalaman, SKMM menerusi inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) telah merancang sebanyak 22 buah menara baharu, 118 stesen pemancar untuk dinaik taraf, satu lokasi bagi perkhidmatan Jalur Lebar Melalui Satelit (BWA) serta 4,646 premis tersedia dengan prasarana gentian optik.

Setakat suku kedua tahun 2023, sebanyak 10 buah menara telah siap dan beroperasi termasuklah sebuah menara baharu di Hospital Sri Aman. Kesemua 118 stesen pemancar dan satu lokasi BWA di Kampung Munggu Mawang telah siap serta 2,541 premis telah tersedia dengan prasarana gentian optik. Kesemua inisiatif yang dirancang dijangka siap dan beroperasi secara berperingkat pada penghujung tahun 2025. Dengan adanya sebuah menara baharu di Hospital Sri Aman, liputan mudah alih di kawasan tersebut telah bertambah baik.

KKD juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik. Secara keseluruhannya, jumlah PoP di Sarawak adalah sebanyak 741. Daripada jumlah tersebut pula sebanyak 29 PoP berada di kawasan berhampiran sekolah luar bandar di Parlimen Sri Aman dengan 2 PoP terlibat dengan pelaksanaan PoP Fasa 1 manakala 28 dilaksanakan di bawah Fasa 2.

Kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan infrastruktur komunikasi adalah amat diharapkan agar perkhidmatan dapat diterima dengan lebih cepat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan komprehensif Kerajaan khususnya dalam merangsang penjanaaan semula ekonomi di Labuan sebagai kawasan pertumbuhan ekonomi wilayah Borneo khususnya dalam menangani masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan komuniti peniaga setempat.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelan komprehensif Kerajaan terhadap penjanaan ekonomi Wilayah Persekutuan (WP) Labuan sedang dilaksanakan berasaskan ***Blueprint Pembangunan Labuan 2030***.

2. Antara misi utama *Blueprint* ini adalah adalah mempelbagaikan kegiatan ekonomi di Labuan supaya tidak hanya bergantung kepada sektor kewangan serta industri berkaitan minyak dan gas. Penumpuan sektor pelancongan diberi keutamaan kerana kelebihan Pulau Labuan sebagai pulau bebas cukai serta memiliki aset pelancongan yang berpotensi dalam meningkatkan ekonomi golongan sasaran terutamanya masyarakat setempat.

3. Seiring dengan *Blueprint* tersebut, beberapa inisiatif telah dirancang sebagai program berterusan oleh kerajaan antaranya seperti berikut:

- (a) Program Peningkatan Pendapatan untuk peniaga kecil;
- (b) Program Pembasmian Kemiskinan melalui ekonomi digital dan peningkatan kemahiran modal insan; dan
- (c) Penyediaan prasarana aktiviti ekonomi di lokasi yang lebih strategik dan menarik.

4. Selain itu, selaras dengan Pelan Strategik Perbadanan Labuan 2022 - 2026 melalui Teras 5 iaitu menyediakan persekitaran yang kondusif dan infrastruktur yang mampan untuk pertumbuhan ekonomi yang berdaya saing, beberapa tindakan telah diambil seperti berikut:

- (a) Memperkasa Majlis Perwakilan Penduduk dalam program komuniti;
- (b) Meningkatkan produk pelancongan bertaraf antarabangsa;

dan

- (c) Merangsang kemasukan pelaburan melalui teras ekonomi utama iaitu minyak dan gas, kewangan antarabangsa, pelancongan, pendidikan dan berkaitan aktiviti bebas cukai.

5. Dalam merancang pembangunan yang memfokuskan kepada pemulihan ekonomi jangka panjang dengan lebih komprehensif, Kerajaan turut menyediakan Kajian Rancangan Tempatan Labuan 2040 yang telah menggariskan teras pembangunan melibatkan pemerksaan ekonomi, kesejahteraan masyarakat serta prasarana menyeluruh.

6. Untuk memanfaatkan lokasi Labuan yang strategik dan terangkum di dalam kawasan pertumbuhan ekonomi *Brunei Indonesia Malaysia Philippines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA), Perbadanan Labuan telah mengambil langkah proaktif dengan menyertai pelbagai program BIMP-EAGA. Sebagai contoh, yang terkini, Perbadanan Labuan telah mengambil bahagian dalam pelaksanaan Inisiatif Bandar Hijau BIMP-EAGA dan Labuan telah dipilih sebagai lokasi bagi kajian rintis inisiatif ini. Inisiatif ini dijangka akan mencipta sumber pendapatan baru dalam sektor Pelancongan Eko Berasaskan Komuniti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO
[DAMANSARA]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [DAMANSARA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada suatu badan siasatan khas akan diwujudkan untuk menerima dan menyiasat aduan salah guna kuasa terhadap pegawai-pegawai pihak berkuasa seperti polis dan/atau SPRM dan sekiranya ada, nyatakan proses yang akan diwujudkan bagi tujuan tersebut. Nyatakan bilangan laporan yang telahpun diterima berkenaan salahguna kuasa oleh pegawai-pegawai polis dan/atau SPRM dan tindakan yang telahpun diambil berkaitannya sejak tahun 2018.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah ditubuhkan sebagai sebuah badan pemantau agensi penguatkuasaan Persekutuan yang berperanan untuk menerima dan menyiasat aduan salah laku terhadap pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan.
2. EAIC telah ditubuhkan pada 1 April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Penubuhan

NO SOALAN : 21

Suruhanjaya ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menyemai dan meningkatkan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seliaan.

3. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, EAIC menyelia sebanyak 21 agensi penguatkuasaan seperti yang disenaraikan di bawah Jadual Akta 700 termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM). Walau bagaimanapun, seksyen 1(5) Akta 700 telah mengecualikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada pemakaian Akta 700.

4. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, sejak 1 Julai 2023, PDRM tidak lagi diselia oleh EAIC berikutan penubuhan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC). Oleh kerana kuasa dan fungsi IPCC yang sama seperti EAIC, semua aduan dan siasatan berkaitan salah laku anggota dan pegawai PDRM tidak lagi diletakkan di bawah bidang kuasa EAIC.

5. Sejak tahun 2018 hingga 1 Julai 2023, terdapat 3213 aduan terhadap anggota dan pegawai PDRM yang telah diterima EAIC dan daripada jumlah tersebut 288 aduan adalah berkaitan salah guna kuasa anggota dan pegawai PDRM.

6. Daripada 288 aduan ini, 56 aduan telah diputuskan untuk dibuka kertas siasatan (siasatan penuh) di mana 7 aduan telah disyorkan untuk dikenakan tindakan tatatertib seperti hukuman turun gaji, tangguh pergerakan gaji dan amaran. 4 aduan telah dirujuk ke SPRM dan yang lain-lain tidak diteruskan penyiasatan.

7. Untuk makluman Yang Berhormat, peranan dan fungsi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai sebuah agensi penguatkuasaan rasuah adalah sangat jelas iaitu membanteras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan berdasarkan prinsip Bebas, Telus dan Profesional.

8. Terdapat pelbagai laporan yang diterima terhadap pegawai-pegawai SPRM berkaitan kes salah laku, salah guna kuasa, cuai dan lain-lain. Bagi kes-kes salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai, ia akan dirujuk kepada Jawatankuasa Aduan yang ditubuhkan di

NO SOALAN : 21

bawah Seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694).

9. Bagi kes-kes jenayah yang melibatkan pegawai-pegawai, ia akan dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Manakala kes-kes berkaitan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan akan disiasat oleh Suruhanjaya ini kerana ia adalah di bawah bidang kuasa SPRM.

10. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa PROTEM di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri untuk meneliti pengukuhan dan pemantapan fungsi dan kuasa EAIC termasuk kuasa untuk menyemak isu-isu integriti terhadap pegawai-pegawai SPRM secara lebih terperinci. Pada 2 Mei 2023, satu sesi perbincangan antara YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) dengan EAIC, AGC, SPRM dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diadakan berkenaan dengan isu ini. Dalam hal ini juga, beberapa lagi sesi libat urus telah dilaksanakan oleh Kerajaan bersama dengan:

- (i) agensi Perkhidmatan Awam Persekutuan pada 8 Mei 2023;
- (ii) badan bukan Kerajaan (NGO) pada 8 Mei 2023; dan
- (iii) ahli-ahli Parlimen daripada Blok Kerajaan dan Blok Pembangkang pada 14 Jun 2023.

11. Hasil kajian berkaitan dengan perkara ini akan diteliti oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah ada perancangan Tentera Darat Malaysia untuk melengkapkan setiap anggota dengan alat pengesan elektronik *encrypted global positioning system* (GPS) sewaktu anggota diatur gerak melaksanakan operasi memandangkan masih berlaku insiden anggota yang terkorban akibat sesat terlalu lama di hutan belantara atau pun lemas di sungai sewaktu menjalankan tugas baru-baru ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pada masa ini, pihak Tentera Darat Malaysia (TDM) mempunyai peralatan *Global Positioning System* (GPS) yang berfungsi untuk menentukan lokasi, arah dan kedudukan mengikut permukaan bentuk muka bumi yang digunakan oleh trup dan anggota semasa melakukan rondaan atau pergerakan apabila sesuatu operasi dan latihan dilaksanakan.
2. Selain itu, TDM juga mempunyai set peralatan komunikasi yang dilengkapi dengan *electronic encrypted* GPS yang berfungsi sebagai alat untuk mengesan kedudukan peralatan komunikasi pasukan sahabat. Setiap Pasukan, Batalion dan Infantri turut dilengkapi dengan peralatan ini bagi membantu pelaksanaan operasi dan latihan.
3. Dalam hal ini, bagi setiap atur gerak semasa pelaksanaan operasi, *Standard Operating Procedures* (SOP) menetapkan bahawa kekuatan anggota semasa rondaan adalah sekurang-kurangnya 1 seksyen (8 orang anggota), yang mana setiap seksyen akan dilengkapi dengan sekurang-kurangnya 1 set GPS dan 1 set peralatan komunikasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023 TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status penyelesaian yang telah diambil oleh pihak FELDA dan Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) berkenaan isu pertikaian tanah seluas 1,000 hektar yang dituntut kembali oleh penduduk kampung sekitar FELDA Sampadi di dalam Parlimen Mas Gading dan Santubong.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

FELDA melalui Jabatan Pengurusan Tanah dan Jabatan Undang-undang telah mengadakan perjumpaan dengan Timbalan Pengarah (Pembangunan) Jabatan Tanah dan Survey (JTS) Sarawak pada 29 Mei 2023 di Menara Pelita, Kuching Sarawak. FELDA akan melantik jurukur tempatan bagi membuat kerja-kerja ukur di tapak. Maklumat-maklumat pembangunan FELDA dan FGV di Sampadi juga telah dikongsi bersama JTS Sarawak untuk melihat dan memberi pandangan berkaitan isu pertikaian tanah seluas $\pm 1,000$ hektar tersebut. Perbincangan susulan dijadualkan awal Disember 2023 (bergantung kepada persediaan dokumen dan maklumat-maklumat pertikaian).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE
SULAIMAN [BACHOK]
TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai “projek segera” dan peruntukan khas yang telah diumumkan YAB Perdana Menteri ketika melakukan lawatan di negeri-negeri, termasuklah dalam siri dialog “Temu Anwar”, walaupun perkara ini pernah dijanjikan tidak lagi akan diamalkan di bawah pentadbiran Kerajaan MADANI.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kelulusan peruntukan bagi pelaksanaan program/projek yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri adalah merupakan program/projek yang telah diteliti dan dirancang lebih awal dengan mengambil kira keperluan, keutamaan dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan.
2. Projek-projek yang diluluskan adalah bersifat *people-centric* bagi memenuhi keperluan semasa dan selanjutnya memberi manfaat terus kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan bagi menambah kerusi parlimen daripada jumlah kerusi terkini 222 kerusi dalam persempadanan semula Parlimen yang akan dibuat pada masa akan datang.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan **Negeri Sarawak akan berakhir pada tahun 2023, Negeri Sabah pada tahun 2025** manakala **Negeri-Negeri Tanah Melayu pula pada tahun 2026**. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri

berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

2. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan yang dipegang oleh SPR adalah seperti berikut:-

- i. **Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih keluar mengundi** semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira **kemudahan pentadbiran** yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang lebih kurang sama banyak bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesebuah Negeri **kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan**; dan
- iv. **Mengekalkan hubungan masyarakat tempatan**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB
AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan premis Pusat Khidmat Ahli Parlimen yang lengkap dengan pegawai dan kemudahan pejabat di semua kawasan Parlimen di Malaysia.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pusat Khidmat Ahli Parlimen adalah premis yang digunakan oleh YB Ahli Parlimen untuk menjalankan aktiviti pengurusan, pusat pertemuan bersama penduduk setempat dan hal-hal berkaitan.
2. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan premis Pusat Khidmat Ahli Parlimen yang lengkap dengan pegawai dan kemudahan pejabat di semua Kawasan Parlimen di Malaysia. Penubuhan pusat khidmat ini adalah bergantung kepada keperluan dan merupakan inisiatif YB Ahli Parlimen masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah bentuk usaha Kerajaan akan lakukan bagi membantu proses membangunkan semula Iraq.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Republik Iraq kini telah beralih ke fasa Pemulihan dan Pembangunan Semula negara (dengan izin, *reconstruction and re-development*), setelah dibelenggu dengan kancah peperangan dan konflik yang berpanjangan. Berikutan perkembangan positif ini, Jemaah Menteri pada 28 Jun 2023 telah membuat keputusan untuk mengoperasikan semula Kedutaan Besar Malaysia di Baghdad, setelah ditutup sementara hampir dua dekad yang lalu.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan Kerajaan untuk mengoperasi semula Kedutaan Besar Malaysia di Baghdad telah

SOALAN NO : 27

dimaklumkan oleh YB Menteri Luar Negeri kepada rakan sejawatnya Tuan Yang Terutama Dr. Fuad Hussein, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Negeri Republik Iraq, semasa lawatan rasmi ke Republik Iraq dari 23 hingga 25 Ogos 2023 yang lalu.

4. Keputusan ini juga telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada rakan sejawatnya Tuan Yang Terutama Mohammed Shia' Al-Sudani, Perdana Menteri Republik Iraq semasa pertemuan dua hala di sela-sela Perhimpunan Agung PBB di New York ke-78 pada 21 September 2023 yang lalu.

5. Pengoperasian semula Kedutaan Besar Malaysia di Iraq adalah langkah strategik Kerajaan dengan tujuan utama untuk mengukuhkan hubungan kerjasama dua hala dengan Iraq, serta bagi memudah cara penyertaan Malaysia dalam membantu proses pembangunan semula dan rehabilitasi di negara tersebut.

6. Keputusan ini telah disambut dengan amat baik oleh kepimpinan tertinggi di Republik Iraq. Dalam hal ini, Kerajaan Iraq sendiri telah mempelawa Malaysia untuk mengambil bahagian secara aktif dalam projek-projek pembangunan semula negara.

7. Antara projek pembangunan semula di Iraq yang berpotensi untuk disertai oleh Malaysia adalah projek pembinaan infrastruktur seperti pembinaan semula perumahan, pembinaan dan pengurusan lapangan terbang, serta sistem saluran air. Selain itu, berdasarkan situasi semasa terdapat pelawaan daripada pihak Iraq bagi kerjasama dalam bidang pendidikan dan kemasukan barangan dari Malaysia, khususnya yang melibatkan kerja-kerja binaan, perabot, semi-konduktor dan lain-lain lagi.

8. Penglibatan Malaysia dalam segala projek-projek pembangunan semula di Iraq ini sudah pasti akan membantu untuk mempercepatkan lagi proses rehabilitasi di negara tersebut.

9. Selain itu, mengambil kira salah satu aspek utama untuk pembangunan semula sesebuah negara di pasca-konflik adalah keperluan keupayaan sumber manusia yang berdaya maju, salah satu

SOALAN NO : 27

pendekatan utama Malaysia bagi membantu Iraq adalah dengan membantu membangunkan keupayaan sumber manusia di negara berkenaan. Justeru itu, Malaysia melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia, atau dikenali sebagai MTCP, akan terus menyediakan pelbagai program latihan teknikal dan bina upaya bagi membantu dalam pembangunan semula negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Sukacita saya juga ingin memaklumkan susulan persefahaman yang telah dicapai semasa lawatan rasmi YB Menteri Luar Negeri ke Iraq, Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JCM) di antara kedua-dua negara akan dilaksanakan semula dalam masa terdekat. Ia akan menjadi platform terbaik dalam berbincang dan merangka skop kerjasama antara Malaysia dan Iraq dalam pelbagai bidang, termasuk projek-projek pembangunan semula yang akan dilaksanakan di negara tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]
TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah susulan, penyelesaian segera dan tindakan yang efektif dari Kementerian ekoran peningkatan mendadak harga barang khususnya harga barang keperluan utama rakyat sejak akhir-akhir ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tahap kenaikan harga barang dicerminkan melalui kadar inflasi negara. Kadar inflasi negara diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP mengukur purata perubahan harga sesuatu barangan dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa tertentu. Pada 22 September 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melaporkan kadar inflasi terkini iaitu 2.0 peratus bagi bulan Ogos 2023, berkadaran sama seperti pada bulan Julai 2023.

Kadar inflasi dilihat semakin mereda menggambarkan kadar peningkatan harga barang dan perkhidmatan yang lebih perlahan. Ianya juga dapat dilihat melalui mata indeks IHP pada Ogos 2023 yang meningkat kepada 130.8, berbanding 128.2 yang direkodkan pada Ogos 2022. Walaupun masih terdapat kenaikan harga, usaha Kerajaan telah berjaya mengekang kenaikan harga yang melampau.

Di samping itu, adalah menjadi komitmen berterusan Kerajaan untuk menangani isu kos sara hidup. Langkah-langkah semasa yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah:

(a) INISIATIF PAYUNG RAHMAH:

- (i) **Menu RAHMAH:** Pelaksanaan inisiatif ini secara tidak langsung telah membantu dalam meredakan inflasi bagi kumpulan Makanan di luar rumah daripada terus meningkat lebih tinggi. Sehingga **31 Ogos 2023**, sebanyak **2,849 restoran dan kedai makan** secara sukarela telah sama-sama berganding bahu dalam *Private Driven Initiative* ini menawarkan Menu Rahmah yang merupakan hidangan makanan seimbang mengandungi protein, serat sayur-sayuran dan karbohidrat yang dijual pada harga RM5.00 ke bawah.
- (1) **Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** telah menawarkan **Menu Rahmah Siswa** di semua IPTA pada harga RM3.50 setiap hidangan:

- (2) Sebanyak **28 R&R dan 11 Laybys** turut menawarkan menu Rahmah di hampir semua lebuhraya termasuk lebuhraya LPT.
- (ii) **Bakul RAHMAH:** Setakat **31 Ogos 2023**, sebanyak **91,682** Bakul RAHMAH diedarkan ke seluruh negara (CSR mengikut korporat).
- (iii) **Jualan RAHMAH:** 33 pasar raya besar, kedai berangkai dan pengeluar mengambil bahagian dan telah dilaksanakan di 1,945 lokasi kawasan penempatan atau kawasan tumpuan B40.

Jualan Rahmah juga turut menawarkan Beras Putih Import (BPI) dengan harga yang lebih rendah. Harga yang ditawarkan tidak melebihi RM15.00 bagi 5 kilogram dan tidak melebihi RM30.00 bagi 10 kilogram. Sejumlah RM34 juta diperuntukkan bagi menawarkan 2.88 juta kampakit beras sehingga Disember 2023.

Ini adalah sebahagian daripada intervensi tambahan untuk meningkatkan bekalan BPI seperti yang diumumkan oleh Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 2 Oktober 2023. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan bertindak sebagai agensi pengedar Beras Putih Tempatan (BPT) terutama bagi kawasan pinggir bandar dan luar bandar.

Harga BPI di Sabah dan Sarawak juga akan ditanggung oleh Kerajaan mulai 5 Oktober 2023 bagi membolehkan BPI diperolehi dengan harga runcit RM31 bagi setiap 10kg.

- (iv) **Pakej RAHMAH:** Berkembang secara sendiri dan tidak bergantung semata-mata kepada pelaksanaan Jualan RAHMAH (Hotel RAHMAH, Auto RAHMAH, Insuran dan Takaful RAHMAH dan sebagainya). Pakej 5G RAHMAH turut dilaksanakan dengan tawaran telefon pintar 5G dan pelan data kepada seluruh rakyat Malaysia berkuat kuasa 31 Ogos 2023 di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Digital.

- (v) **Simen RAHMAH** melalui kerjasama Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA) yang menawarkan satu juta tan metrik simen pukal dengan penurunan harga RM120 setan metrik kepada RM290 untuk pemaju rumah mampu milik swasta di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam usaha menurunkan harga jualan rumah. Memberi manfaat kepada isi rumah berpendapatan rendah untuk memiliki rumah di bawah RM300,000.

Inisiatif Payung RAHMAH terus berkembang mengikut keperluan semasa antaranya:

- (i) **Bazar Ramadan RAHMAH:** Semasa Bulan Ramadan, Bazar Ramadhan RAHMAH telah diadakan di seluruh negara di mana 30% dari gerai di Bazar Ramadan menawarkan Menu RAHMAH dengan hidangan berbuka puasa yang dijual pada harga RM5.00 ke bawah. Inisiatif ini juga telah dapat meringan beban rakyat sekali gus meningkatkan kuasa beli pengguna.
- (ii) **Kad Insentif Menu RAHMAH:** Pengenalan Kad Insentif Menu RAHMAH yang dilaksanakan melalui kerjasama beberapa pasaraya utama.
- (iii) **Jualan RAHMAH Bergerak:** Dilaksanakan melalui kerjasama beberapa pemain utama seperti MyGrocer dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

(b) HARGA KAWALAN BARANG BERSUBSIDI DAN TIDAK BERSUBSIDI

- (i) Kerajaan turut melaksanakan harga maksimum beberapa barangan keperluan utama seperti RON95, Diesel Bersubsidi, LPG kegunaan domestik, gula pasir putih, tepung gandum kegunaan am, minyak masak bersubsidi polibeg 1kg, minyak kemasan botol dan beberapa lagi barang keperluan lain. Harga RON97 telah stabil sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih walaupun harga itu ditentukan berdasarkan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) pada setiap minggu.

(c) HARGA KAWALAN MAKSIMUM AYAM DAN TELUR GRED A,B,C

- (i) Kementerian meneruskan Penentuan Harga Maksimum bagi Ayam dan Telur Ayam dengan menetapkan harga maksimum Ayam Standard pada RM9.40/ sekilo dan Telur Ayam Gred A, B dan C yang telah berjalan sejak setahun yang lalu bagi memberikan kestabilan harga kepada kedua-dua komoditi penyumbang sumber protein utama penduduk Negara ini.

(d) HARGA KAWALAN SILING BERGERAK MINYAK MASAK BOTOL

- (i) Penetapan harga siling bagi minyak masak sawit kemasan botol juga diteruskan. Ini bagi menstabilkan permintaan dan harga minyak masak sawit kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg;

(e) PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA (PPH)

- (i) Program ini memastikan tujuh (7) barangan keperluan asas (beras putih, gula, minyak masak 1kg, tepung gandum, LPG, petrol RON95 & diesel) sampai kepada rakyat di kawasan pedalaman Semenanjung, Sabah, dan Sarawak dengan harga terkawal yang sama sebagai kawasan bandar. Melalui program ini, Kerajaan memberi subsidi kepada syarikat pengangkutan supaya semua orang dapat menikmati pembelian barangan ini pada harga yang sama.

(f) PROGRAM PEMBANGUNAN FRANCAIS MIKRO DAN FRANCAIS MAMPU MILIK

- (i) Program ini merupakan satu program utama dalam usaha menarik penglibatan lebih ramai rakyat, khususnya golongan B40 dan M40 untuk menceburi bidang perniagaan francais.

Berdasarkan statistik rasmi mengenai IHP dan program yang telah dijalankan adalah jelas bahawa Kerajaan telah melaksanakan usaha untuk mengawal kenaikan harga barangan yang berkesan. Dari semasa ke semasa Kerajaan akan mengumumkan dan menghebahkan program bantuan tambahan bagi membantu golongan terkesan dengan peningkatan kos sara hidup. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah selain Jualan Rahmah yang diambil untuk menangani isu peningkatan harga barangan asas daripada terus memberi tekanan kepada kos sara hidup rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat memahami serta cakna akan kesan kenaikan harga barang kepada rakyat Malaysia terutama golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, kita harus menerima realiti bahawa impak kenaikan harga barang terhadap pengguna adalah fenomena global yang melanda seluruh dunia termasuk negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Canada, Britain, sebahagian besar negara Eropah, Singapura, Indonesia dan Australia.

Walaupun demikian, Kerajaan tidak lepas tangan malah berusaha secara berterusan samada di sudut polisi dan dasar kerajaan, perundangan, inisiatif dan program, mahupun penguatkuasaan bagi mengurangkan impak yang dihadapi rakyat semua peringkat B40, M40 dan T20.

Kerajaan buat masa ini dengan giatnya melaksanakan Jualan Rahmah di seluruh negara bagi membolehkan golongan yang terkesan dengan

himpitan kenaikan harga barang dapat membeli barangan keperluan asas pada harga yang munasabah.

Langkah-langkah lain yang akan diambil oleh Kementerian bagi menangani isu kos sara hidup adalah seperti berikut:

- i. Kementerian akan memastikan barangan keperluan asas yang diberikan subsidi oleh Kerajaan dinikmati oleh golongan yang sepatutnya. Dalam konteks ini, Kementerian akan mengemaskini **gerak kerja penguatkuasaan** di seluruh negara. Selain itu, advokasi dan penerangan juga akan diberikan kepada rakyat untuk **tidak terlibat dengan sebarang aktiviti membawa keluar barangan bersubsidi keluar** daripada sempadan negara;
- ii. Selain itu, aktiviti penguatkuasaan akan dilaksanakan bagi **menangani aktiviti mengambil untung melampau** (catut) serta aktiviti **memanipulasi pasaran** seperti menyorok barangan atau mengenakan syarat pembelian. Kedua-dua kesalahan ini akan ditangani melalui pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Kawalan Harga 1961;
- iii. Pada musim perayaan, dijangkakan harga beberapa barangan keperluan asas akan melambung disebabkan peningkatan yang tinggi berbanding waktu biasa. Justeru, **Skim Kawalan Harga dan Musim Perayaan** akan dilaksanakan semasa musim perayaan utama bagi memastikan harga tidak melambung tinggi sehingga menghimpit kemampuan membeli pengguna;
- iv. Memperhebat pelaksanaan inisiatif RAHMAH seperti Menu RAHMAH dan Bakul RAHMAH yang memberi manfaat kepada golongan B40.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk pelaksanaan inisiatif jangka sederhana dan jangka panjang pula, antara langkah lain yang boleh diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- i. Bagi memastikan pasaran berfungsi adalah berdasarkan permintaan dan penawaran sebenar, Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian/Jabatan/ Agensi yang berkaitan bagi memastikan **rantaian pengedaran berfungsi dengan baik dan lancar**. Di peringkat Kementerian pula, **perundangan anti persaingan dan monopoli** akan dilaksanakan sekiranya terdapat aduan rasmi berlaku persaingan dan monopoli yang tidak sihat yang akan memberi kesan negatif kepada pasaran dan pengguna;
- ii. Peningkatan sumber pendapatan baharu akan dipergiat melalui penawaran peluan perniagaan di bawah Program Francais Mikro dan Francais Mampu Milik dan peluang perniagaan jualan langsung. Kepada golongan peniaga pula, perniagaan mereka akan diperkasakan melalui inisiatif pendigitalan REDI dan pemerkasaan produk jualan di bawah Logo Buatan Malaysia; dan
- iii. Kesedaran pengguna ke atas hak pengguna akan diperkasakan. Dalam mendepani cabaran kos sara hidup masa kini, pengguna harus peka dan tahu melaksanakan hak-hak pengguna, merancang pembelian dan perbelanjaan, tidak melakukan pembelian panik serta menyalurkan aduan melalui saluran yang betul. Peranan pengguna dalam memberikan reaksi yang sepatutnya sangat penting supaya Kerajaan dan pengguna dapat bersama-sama mendepani dan menangani cabaran kos sara hidup dengan lebih berkesan dan jayanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]
minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan bila Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kota Giam,
Jelutong, Pulau Pinang dijangka bermula dan siap dibina. Berapa unit
rumah PPR yang akan dibina dalam projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan, pada tahun 2023 telah meluluskan satu (1) projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang iaitu PPR Kota Giam, Jelutong. Cadangan komponen pembangunan PPR Kota Giam, Jelutong adalah melibatkan 500 unit rumah pangsa berbilang tingkat berserta kemudahan asas seperti dewan, surau, tadika, taska, kedai dan gerai dan ia tertakluk kepada kelulusan Kementerian Ekonomi.

Walau bagaimanapun, Mesyuarat Pra Makmal Pengurusan Nilai (*Value Assesment – VA*) bagi projek ini telah diadakan dan mendapati bahawa terdapat beberapa isu berbangkit di tapak yang memerlukan perbincangan dan perundingan semula oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan pihak Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah permohonan perancang DBKL yang dilulus, dipinda dan ditolak sehingga 30 September 2023 dan sejauh mana bantahan awam telah dipertimbangkan bagi sesuatu permohonan kelulusan perancang.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
 (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh dari 1 Januari 2023 sehingga 30 September 2023, Urus Setia Pusat Setempat (OSC) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menerima sebanyak **3,870** permohonan bagi mendapatkan kelulusan permit pembinaan. Daripada jumlah tersebut, **994** permohonan Kebenaran Perancangan, **2,612** permohonan kelulusan Pelan Bangunan dan **264** permohonan Pelan Kejuruteraan.

2. Perincian status 994 permohonan Kebenaran Perancangan yang diterima adalah seperti berikut :

Status Permohonan	Jumlah
Diluluskan	100 permohonan
Kelulusan Bersyarat	598 permohonan
Ditolak	93 Permohonan
Tangguh	1 Permohonan
Dibatalkan Oleh Pemohon Sendiri	13 Permohonan
Dalam Proses Pertimbangan	189 Permohonan

3. Kesemua pertimbangan dan kelulusan Kebenaran Perancangan ini adalah berasaskan kepada Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) khususnya dari aspek zon guna tanah serta intensiti pembangunan yang dibenarkan iaitu kepadatan penduduk mahupun nisbah plot. Selain itu kelulusan ini juga adalah tertakluk kepada pematuhan kehendak-kehendak teknikal perancangan serta garis panduan perancangan dan pembangunan yang berkaitan.

4. Sekiranya terdapat sebarang perubahan atau perbezaan kepada zon guna tanah dan intensiti pembangunan yang tidak termaktub di dalam PBRKL 2020 tetapi selari dengan dasar kerajaan, pemaju akan dikenakan syarat untuk mendapatkan pandangan penduduk sekitar mengikut pelaksanaan Kaedah-kaedah Rancangan (Pembangunan) 1970, (Kaedah 7) iaitu Notis Pelawaan Pandangan Awam. Bagi mendapatkan pandangan atau bantahan awam ini, hebahan notis akan dilakukan melalui surat khabar tempatan, pemasangan papan notis pemberitahuan di tapak cadangan dan juga paparan notis dalam laman web rasmi DBKL (mengikut Manual Notis Pelawaan Pandangan Awam).

5. Sekiranya terdapat sebarang pandangan mahupun bantahan awam semasa dalam tempoh pelaksanaan pelawaan pandangan awam, maka ia akan diambil kira di dalam proses pertimbangan serta penilaian ke atas cadangan pembangunan tersebut. Sebarang pandangan atau bantahan yang dikemukakan dan mempunyai merit ke atasnya maka cadangan pembangunan tersebut akan dinilai semula. Penilaian ini akan mengambil kira aspek perundangan dan teknikal perancangan khususnya berkaitan infrastruktur, utiliti dan kemudahan-kemudahan bagi tapak cadangan dan sekitarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI]

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah “Peta Standard China Edisi 2023” yang turut meliputi kawasan maritim Malaysia di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pulaui atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, seperti isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu Berhubung Peta Standard China Edisi 2023

2. Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan China di Laut China Selatan, berdasarkan Peta 9-Garis (atau dengan izin, *Nine Dash Line map*), konsep Empat-Sha (atau dengan izin, *Four Sha concept*) atau mana-mana peta yang diterbitkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China, yang meliputi kawasan maritim Malaysia. Penerbitan Peta Standard China Edisi 2023 pada 28 Ogos 2023 adalah tindakan sepihak (atau dengan izin, *unilateral act*) Kerajaan Republik Rakyat China dan tidak mengikat Malaysia.

3. Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan kenyataan media berhubung pendirian Malaysia yang tidak mengiktiraf tuntutan China di Laut China Selatan, seperti yang digariskan dalam “Peta Standard China Edisi 2023” yang meliputi kawasan maritim Malaysia.

4. Kerajaan Malaysia juga telah mengemukakan bantahan diplomatik kepada China dan dengan tegas menolak tuntutan kedaulatan, hak kedaulatan dan bidang kuasa China ke atas fitur maritim atau kawasan maritim di Laut China Selatan, yang meliputi kawasan maritim Malaysia berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979 kerana ia tidak konsisten dengan undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 (KUUL 1982) atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)*.

Pendekatan Malaysia terhadap Isu Laut China Selatan

5. Dalam hal ini, Malaysia kekal komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif, menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Kementerian Luar Negeri akan terus menyuarakan pendirian tegas Malaysia berhubung isu Laut China Selatan di platform-platform yang berkaitan bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara akan terus kekal terpelihara.

6. Antara usaha serantau untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China juga telah memeterai, dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Selaras dengan persefahaman di bawah DOC tersebut, negara-negara ASEAN telah mengambil pendekatan, dengan izin, "*self-restraint*" dan memastikan tindakan-tindakan yang diambil dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Laut China Selatan, tidak meningkatkan ketegangan di perairan tersebut.

7. Buat masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan, dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC). COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.

8. Rundingan COC tersebut sedang dilaksanakan oleh Negara-Negara Anggota ASEAN dan China menerusi platform, dengan izin, *ASEAN-China Joint Working Group on the Implementation of the DOC* (JWG-DOC), berdasarkan satu *Single Draft Negotiating Text* (SDNT) COC yang digunakan sebagai asas rundingan.

9. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dirundingkan tidak sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI PEMBANGUNAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan penyelesaian yang akan dilaksanakan untuk penjaja-penjaja kecil yang sering disaman oleh pihak PBT atas pelbagai kesalahan. Bolehkah mereka diberi lesen penjaja kecil atau lesen sementara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited dalam membantu golongan peniaga dan penjaja-penjaja kecil agar terus menjadi penyumbang pembangunan sektor ekonomi. Kerajaan juga peka terhadap keperluan golongan tersebut yang memerlukan pelbagai sokongan dan dorongan terutamanya selepas terkesan dengan impak COVID-19 yang menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan dan menjadikan perniagaan sebagai punca utama pendapatan demi kelangsungan hidup keluarga dan diri sendiri.

KPKT melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga dan penjaja kecil memiliki lesen perniagaan dan mematuhi syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan. PBT mengeluarkan notis

SOALAN NO : 33

saman/kompaun kepada mana-mana peniaga kecil dan penjaja yang didapati melanggar syarat-syarat lesen yang serius seperti berniaga di kawasan larangan dan berisiko tinggi yang boleh mengundang musibah yang tidak diingini atau menyalahgunakan lesen perniagaan.

Bagi menyokong dan mendaya upaya golongan ini, PBT telah menyediakan pelbagai bantuan dan insentif seperti berikut:

- i. mengeluarkan lesen sementara bagi peniaga bermusim bagi tempoh maksimum selama enam (6) bulan;
- ii. mengurangkan kompaun kepada peniaga yang disaman;
- iii. menyediakan ruang niaga tambahan yang sesuai bagi setiap penjaja/ peniaga kecil yang berniaga di tepi jalan dengan menempatkan mereka di satu kawasan penjaja yang dikhususkan oleh PBT;
- iv. menyediakan kiosk rakyat dengan bayaran sewa paling minimum sebanyak RM50/bulan; dan
- v. mengenal pasti lokasi-lokasi yang strategik dan tersusun bagi peniaga-peniaga kecil seperti di pasar tani, pasar malam dan pasar minggu.

Sehubungan itu, Kementerian amat menggalakkan dan menyeru semua peniaga atau penjaja kecil yang berminat untuk menjalankan perniagaan untuk mendapatkan maklumat bantuan yang disediakan oleh Kerajaan melalui PBT masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN
HARUN [HULU SELANGOR]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan **sektor dan jenis reformasi**
yang telah berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan dalam tempoh sepuluh
bulan selepas mengambil alih pentadbiran negara.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan komitmen Kerajaan Perpaduan untuk merealisasikan agenda undang-undang dan reformasi institusi, BHEUU komited dengan pembaharuan dan pelaksanaan agenda undang-undang dan reformasi institusi yang telah berjaya dibentangkan di Parlimen sepanjang tahun 2023. Ini termasuklah beberapa isu perundangan yang telah lama wujud dan belum diselesaikan.
2. Antaranya pindaan kepada Akta Jenayah Seksual Kanak-kanak 2017 dan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 yang mana kedua-dua Akta tersebut adalah wajar dipinda untuk menambah baik agar dapat memberikan perlindungan yang lebih jitu terhadap kanak-kanak sejajar dengan perkembangan semasa.
3. Kerajaan Perpaduan turut memansuhkan hukuman mati mandatori dan telah menggantikan hukuman tersebut dengan hukuman alternatif. Selain itu, hukuman penjara sepanjang hayat (*natural life sentence*) juga telah dimansuhkan.
4. Kerajaan juga telah menguatkuasakan Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 [Akta 847] untuk membuat semakan semula rayuan banduan-banduan yang dijatuhkan hukuman mati mandatori dan hukuman sepanjang hayat. Ini menunjukkan keutamaan Kerajaan Perpaduan untuk memastikan hak semua pihak adalah terpelihara dan terjamin sekali gus mencerminkan ketelusan barisan kepimpinan negara ini dalam menambahbaik sistem keadilan jenayah negara yang serba dinamik.

5. Antara pindaan yang telah dibuat termasuklah tambahan peruntukan baharu bagi kesalahan menghendap (*stalking*) dalam Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah selain pemansuhan peruntukan kesalahan cubaan membunuh diri iaitu seksyen 309 dalam Kanun Keseksaan. Pemansuhan kesalahan percubaan bunuh diri adalah satu usaha oleh Kerajaan untuk mencegah kes bunuh diri dan akan menggalakkan mereka yang terkesan tampil ke hadapan untuk mendapatkan bantuan sekaligus menghapuskan stigma terhadap perbuatan bunuh diri dan seterusnya menurunkan kadar kematian bunuh diri di Malaysia.

6. Pindaan ini juga menunjukkan pendekatan mengutamakan kepentingan kesihatan awam adalah selari dengan hasrat kepimpinan Kerajaan yang prihatin terhadap kesejahteraan rakyat termasuk kesihatan mental.

7. Bagi tahun ini juga, Kerajaan mencadangkan untuk membentangkan dua lagi pindaan rang undang-undang di Parlimen iaitu:

- (i) Pindaan kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 [Akta 597]; dan
- (ii) Penggubalan Rang Undang-Undang Kekebalan Negara.

8. Kerajaan juga sedang giat melaksanakan agenda undang-undang dan reformasi perundangan bagi tahun hadapan yang melibatkan perkara-perkara seperti yang berikut:

- (i) Penggubalan Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen;
- (ii) Penggubalan Akta Kebebasan Maklumat;
- (iii) Pindaan kepada Akta Jenayah Seksual Kanak-kanak 2017 dan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 Fasa II;
- (iv) Penggubalan Rang Undang-Undang Ombudsman Malaysia;
- (v) Pindaan Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208];
- (vi) Pindaan Akta Pemegang Amanah (Diperbadankan) 1952 [Akta 258];
- (vii) Pindaan Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166];

- (viii) Ratifikasi Konvensyen Singapura;
- (ix) Kajian Undang-undang berhubung Hukuman Mengenai Kesalahan Penyalahgunaan Dadah;
- (x) Pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711];
- (xi) Kajian Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya;
- (xii) Kajian mengenai kebolehlaksanaan Pejabat Pembela Awam;
- (xiii) Rang Undang-Undang berhubung dengan pendanaan politik; dan
- (xiv) Cadangan Penubuhan Pusat Pembaharuan Undang-undang Komersial.

9. Kerajaan akan terus aktif dalam melaksanakan sesi libat urus bersama pihak yang berkepentingan dalam merealisasikan dan menambah baik undang-undang dan reformasi institusi dari semua aspek / sektor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah kerajaan untuk meningkatkan kecekapan Pengurusan FELDA yang pada ketika ini berada pada skor 4.5/10 seperti yang dinyatakan dalam KSP RMKe-12 bagi memastikan Pengurusan Ladang dan Kewangan Peneroka terjamin.

JAWAPAN

YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mencapai kemampunan kewangan dan kelestarian, Kerajaan Perpaduan komited untuk memastikan pelaksanaan pelan pemulihan FELDA disempurnakan.
2. Pihak Pengurusan FELDA juga telah merangka Model Baharu FELDA yang berteraskan kepada tatakelola, operasi ladang, perubahan minda peneroka dan teknologi bagi memastikan FELDA berada di tahap yang lebih mandiri dan lestari. Antara inisiatif yang telah dijalankan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan ladang peneroka adalah melalui penggunaan mekanisasi bagi mengatasi isu kekurangan buruh yang dan

mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing. Selain itu, pelaksanaan pertanian jitu melalui aplikasi *Smart Plantation Management Solution* juga mampu meningkatkan kecekapan pengurusan ladang dan menjimatkan kos melalui kecekapan operasi.

3. Kesemua usaha-usaha ini adalah untuk memastikan FELDA berada di landasan yang lebih teguh bagi melunaskan tanggungjawabnya sebagai agensi yang membela nasib 112,638 keluarga peneroka.

4. Langkah-langkah pemulihan tersebut telah mula menunjukkan hasil positif di mana FELDA berjaya melonjakkan kadar produktiviti sebanyak 2 tan/ha setahun pada tahun 2022 berbanding tahun 2020. Ini menambah baik kedudukan FELDA daripada kedudukan ketujuh kepada tempat ketiga dalam kalangan pemain industri. Kemandirian dan kelestarian adalah kunci utama FELDA untuk terus berdiri teguh mensejahterakan warga peneroka tanpa kebergantungan kepada Kerajaan.

5. Di samping itu, Kerajaan telah meluluskan Jaminan Kerajaan sehingga RM9.9 bilion di mana RM6.0 bilion akan digunakan bagi mengurangkan beban hutang FELDA dan baki RM3.9 bilion lagi akan digunakan bagi tujuan peningkatan pendapatan teras iaitu melalui peningkatan pegangan dan pengambilalihan 100% pegangan FGV Holdings Berhad serta melaksanakan beberapa inisiatif pengurusan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan peneroka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN
BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR]
TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perincian mekanisme yang akan digunakan dalam cadangan penubuhan Amanah Saham Rahmah bagi membantu keluarga miskin di negara ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Idea cadangan penubuhan Amanah Saham RAHMAH bagi membantu isi rumah kurang berkemampuan ini masih lagi dalam peringkat perancangan awal pelaksanaan. Pelaksanaan Amanah Saham RAHMAH memerlukan perbincangan lanjut Bersama agensi-agensi berkepentingan yang lain seperti Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia dan lain-lain agensi berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] MINTA MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah dapat dipertimbangkan cadangan kelonggaran syarat permohonan Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi pemohon yang belum menerima geran hak milik tanah Native Customary Right (NCR) di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Rumah Mesra Rakyat (RMR) merupakan program yang diwujudkan oleh Kerajaan bagi membantu golongan B40 yang mempunyai tanah untuk membina rumah sendiri serta mempunyai beberapa syarat kelayakan yang perlu dipenuhi antara syaratnya adalah tapak yang memiliki geran tanah. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) memerlukan pegangan ke atas geran tanah milik pemohon sebagai jaminan pembayaran balik pembiayaan kelak ke atas baki pinjaman selepas ditolak subsidi Kerajaan sebanyak RM20,000.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan Negeri Kelantan akan mendapat bayaran royalti dari Kerajaan Persekutuan bagi perdagangan petroleum mentah dan apakah Kerajaan mempunyai political will untuk menoktahkan polemik ini dengan memudahkan tuntutan hak ini bagi melepasi segala alasan termasuk perundangan dengan meminda akta; dan
- (b) mengenai peruntukan di dalam Seksyen 5, Akta 144 mengenai Majlis Penasihat Petroleum Negara mohon dinyatakan nama keanggotaannya yang terkini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI,
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, polemik bayaran tunai hasil petroleum seharusnya tidak timbul. Ini kerana semua hasil petroleum di Semenanjung Malaysia, termasuk Kelantan berada di luar perairan negeri yang melebihi 3 batu nautika selaras dengan Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750].

2. Berkaitan Majlis Penasihat Petroleum Negara (MPPN) di bawah Seksyen 5(2) Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] menjelaskan bahawa menjadi kewajipan MPPN untuk menasihati Perdana Menteri berkaitan dasar negara, kepentingan dan perkara yang berkenaan dengan petroleum, perusahaan petroleum, sumber tenaga dan penggunaannya.

3. Mengikut Seksyen 5(1) Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] pula, pelantikan mana-mana Ahli Majlis dibuat oleh YAB Perdana Menteri, atas kapasiti jawatan yang disandang oleh Ahli berkenaan di luar MPPN, melainkan dinyatakan sebaliknya. Walau bagaimanapun, rekod menunjukkan bahawa MPPN tidak aktif semenjak tahun 1995.

3. Kerajaan Persekutuan sentiasa terbuka untuk meneliti perundangan dan dasar mengikut situasi dan cabaran semasa. Walau bagaimanapun, pada masa ini pendirian Kerajaan Persekutuan adalah jelas untuk tidak meminda atau memansuh Akta 144 bagi kedua-dua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR
SALAK]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 [ISNIN]

SOALAN

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa permohonan Tebusan Ganti Cuti Rehat (GCR) tidak berjaya walaupun permohonan telah dibuat dua tahun berturut-turut bagi 2022 dan 2023.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Permohonan pemberian awal award wang tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) perlu dikemukakan kepada Kementerian terlebih dahulu untuk tujuan kawalan dalaman dan tapisan awal sebelum dipanjangkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk kelulusan. Kelulusan yang diberikan juga adalah tertakluk kepada had siling peruntukan yang telah ditetapkan kepada kementerian-kementerian. Had siling peruntukan kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi penebusan awal GCR adalah sebanyak RM20,000,000.00.
2. Pada tahun 2022, di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, JPA telah merekodkan 13,515 permohonan dan 978 permohonan telah

NO. SOALAN : 39

diluluskan dengan kelulusan berjumlah RM19,999,125.54 daripada peruntukan sebanyak RM20,000,000.00. Sehingga Oktober 2023 pula, JPA telah merekodkan 1,669 permohonan dan 894 permohonan telah diluluskan dengan kelulusan berjumlah RM20,999,476.42 daripada peruntukan sebanyak RM21,000,000.00.

3. Selain had siling peruntukan, permohonan pembayaran awal GCR boleh tidak diluluskan atas sebab-sebab berikut:

- i. Permohonan yang dikemukakan tidak memenuhi syarat-syarat sebagaimana ditetapkan oleh Ceraian PP.1.3.4, MyPPSM iaitu:
 - a. tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira hendaklah tidak kurang daripada lima belas (15) tahun, tertakluk kepada peraturan 5, 6 dan 7 Peraturan-Peraturan Pencen 1980;
 - b. telah mencapai umur empat puluh lima (45) tahun, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2002: Dokumen Tarikh Lahir Pegawai Awam;
 - c. jumlah GCR yang terkumpul sebelum permohonan pemberian awal award wang tunai GCR hendaklah sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari;
 - d. bebas daripada sebarang prosiding jenayah atau tindakan tatatertib; dan
 - e. mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan.
- ii. Pemohon meninggal dunia sebelum permohonan diluluskan; atau
- iii. Pemohon/Agensi mohon untuk batal permohonan sebelum permohonan diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN
ABAS [MERSING]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta
MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- (a) statistik dan perangkaan hartanah kediaman dan komersial yang tidak terjual di negeri Johor; dan
- (b) bagaimana mekanisme Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan Malaysia My Second Home (MM2H) tidak akan membebankan lagi rakyat tempatan untuk membeli hartanah kediaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (*National Property Information Centre, NAPIC*), bagi data awalan suku kedua tahun 2023 (Q2P 2023) bilangan unit rumah siap dibina tidak terjual berjumlah 26,286 unit dengan nilai RM18.3 bilion berbanding bilangan unit rumah yang dilancar sebanyak 135,614 unit. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 5.3% dari segi jumlah unit dan penurunan sebanyak 0.6% dari segi nilai berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas. Bagi negeri Johor pula, bilangan unit rumah siap dibina tidak terjual adalah berjumlah 4,717 unit dengan nilai RM4 bilion berbanding bilangan unit rumah yang dilancar iaitu sebanyak 20,453 unit.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat jua, Program MM2H ketika ini berada di bawah naungan Kementerian Dalam Negeri (KDN) manakala dasar pemilikan hartanah warga asing adalah di bawah kerajaan negeri. Walaupun demikian, dasar perumahan KPKT sentiasa memberi keutamaan kepada warganegara Malaysia. Kerajaan sentiasa memberi komitmen yang berterusan dalam penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) dalam memastikan setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan di bawah konsep perumahan sebagai tempat tinggal (*shelter for all*). Bagi meningkatkan pemilikan perumahan rakyat, Kerajaan telahewartakan Inisiatif Pemilikan Kediaman Malaysia (i-Miliki) pada 9 Jun 2023 bagi memberikan pengecualian atau peremitan duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi harga rumah sehingga RM1 juta untuk pembeli rumah pertama bagi Perjanjian Jual Beli (PJB) yang disempurnakan dari 1 Jun 2022 hingga 31 Disember 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI

[SUNGAI PETANI]

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk mewujudkan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan apakah pelan untuk menambah baik program tersebut sekiranya dilaksanakan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan semula Program PLKN. Jemaah Menteri pada tahun 2021 telah meluluskan agar dikaji semula cara baru untuk meneruskan PLKN, kerana ianya amat baik untuk diberikan asas ketatanegaraan kepada belia negara. Satu Jawatankuasa Khas juga telah ditubuhkan oleh MINDEF untuk mengkaji bagaimana cara untuk melaksanakannya semula, tetapi dengan format yang baru. Format yang baru ini tidak melibatkan perbelanjaan yang tinggi, namun akan melihat kepada pulangan yang baik iaitu kepada Modal Insan yang akan menyertai Program PLKN ini.

2. Jawatankuasa yang telah dilantik tersebut telah memberi pandangan kepada pihak Kementerian, dan Kementerian telah memohon agar ianya diubahsuai sehingga ke satu tahap di mana melihat kepada kepentingan penyertaan daripada peringkat sekolah lagi dan bukan

sahaja fasa selepas sekolah. PLKN Fasa 1 melibatkan penglibatan di fasa sekolah, manakala PLKN Fasa 2 melibatkan penglibatan selepas fasa sekolah, iaitu selepas peperiksaan SPM. Selepas penglibatan belia dalam Program PLKN ini, mereka akan disambut oleh agensi-agensi yang lain sebagai kesinambungan kelahiran mereka daripada program ini.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Di bawah Akta PLKN ini, cuma yang berusia 16 tahun hingga 35 tahun sahaja yang akan terlibat. Pelajar-pelajar tingkatan 4 melalui silibus Kementerian Pendidikan telah ada silibus ko-kurikulum seperti Polis, Bomba dan Pengakap akan diperkasakan melalui pelaksanaan Fasa 1. Pelaksanaan ini namun tidak akan melibatkan pelajar tingkatan 5 untuk memberi laluan kepada persediaan peperiksaan SPM. Seterusnya mereka akan disambut kepada Fasa 2 iaitu latihan di Kem-Kem Tentera Wataniah sedia ada.

4. Pelaksanaan PLKN Fasa 2 ini, walau bagaimanapun tidak akan mengambil masa yang lama seperti sebelum ini, iaitu cuma selama 45 hari. 90% daripada kandungan latihan Fasa 2 ini adalah berkaitan ketenteraan, agar dapat membina jati diri belia yang kuat dan bertenaga. Manakala 10% daripada kandungan adalah berkaitan tatanegara. Selepas itu, agensi-agensi seperti Bomba, Polis dan Pertahanan Awam dapat melihat produk Modal Insan ini sebagai penyediaan kepada guna tenaga belia yang terlatih.

5. Kita akan memanfaatkan 13 Kem-Kem Tentera Wataniah di seluruh negara untuk pelaksanaan Program PLKN ini termasuk sebuah Kem PULAPOL di Kuala Lumpur. Tenaga pelatih akan terdiri daripada anggota tentera sendiri yang dapat menjimatkan kos keseluruhan. Sebelum ini, kos asal adalah sekitar RM500 Juta setahun. Manakala kos baru berdasarkan kertas kerja Jawatankuasa adalah tidak melebihi RM100 juta setahun, iaitu sebuah langkah penjimatan yang sangat baik. Hasil daripada Program PLKN ini, ianya akan dapat melahirkan belia yang berkualiti, berdisiplin, cintakan negara dan tersedia untuk memikul tanggungjawab dalam masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dari 2022 hingga suku kedua tahun 2023, berapa peratusan warga asing yang memiliki rumah di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, dasar pemilikan hartanah warga asing adalah di bawah kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan Transaksi dan Nilai Pindahmilik Harta Tanah Kediaman mengikut Negeri, Warganegara dan Bukan Warganegara, Malaysia dari Tahun 2022 hingga Jun 2023 yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (*National Property Information Centre*, NAPIC), warganegara mencatatkan sebanyak 571,810 transaksi dengan nilai RM261,956,069,410 manakala bukan warganegara pula mencatatkan sebanyak 1,437 transaksi dengan nilai RM2,484,136,091.

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa memberi keutamaan pemilikan hartanah kepada warganegara. Kerajaan juga sentiasa memberikan komitmen yang berterusan dalam penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) dalam memastikan setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan di bawah konsep perumahan sebagai tempat tinggal (*shelter for all*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN
[TAPAH]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH] MINTA PERDANA MENTERI menyatakan apakah pihak Kementerian telah selesai mengkaji mekanisme pemberian kebenaran bekerja sektor sesuai untuk pelarian dan memastikan kebenaran itu tidak akan menyebabkan persaingan dengan rakyat Malaysia. Adakah pihak kementerian bercadang mempelajari bagaimana negara-negara maju seperti Amerika dan UK tangani masalah pelarian ini, kerana isu mengenai status imigresen pemegang kad UNHCR dan kebenaran bekerja kepada mereka adalah isu yang konsisten dibangkitkan dalam laporan tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) kerana golongan ini adalah terdedah kepada eksploitasi buruh yang menjurus kepada jenayah perdagangan orang.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL
SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai makluman, pada masa ini Malaysia kekal dengan pendirian untuk tidak menjadi Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Mengenai Status

Pelarian 1967. **Justeru itu, kebenaran bekerja yang akan diberi bukanlah suatu hak yang mutlak tetapi hanya bertujuan bagi menyara hidup sahaja.**

2. Walaubagaimanapun, Kerajaan akan meneliti lanjut mengenai cara dan kaedah yang digunakan oleh negara-negara maju bagi menangani isu-isu pelarian di dalam negara. Pada masa ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang meneliti mekanisme yang bersesuaian bagi membenarkan golongan pelarian yang berdaftar dengan UNHCR untuk mendapatkan pekerjaan. Walaubagaimanapun ianya adalah terhad kepada bidang pekerjaan 3D (*Dirty, Dangerous and Difficult*).

3. Kerajaan berhasrat untuk memberikan kebenaran bekerja kepada pelarian di bawah kategori pekerja tidak mahir dengan menggunakan kuota majikan sedia ada. Calon majikan diwajibkan mematuhi syarat-syarat kelayakan semasa serta Dasar Penggajian Semasa dan Perundangan Perburuhan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah mengadakan beberapa siri libat urus bersama pihak *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) bagi mendapatkan profil pelarian meliputi tahap pendidikan, kemahiran dan jenis pekerjaan yang diceburi termasuk cadangan untuk mempelajari amalan terbaik daripada negara seperti Filipina dan Turkiye.

4. Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan mengetuai Jawatankuasa Kerja Kebenaran Bekerja Untuk Pelarian yang mana fungsi utama Jawatankuasa ini adalah untuk mengendalikan urusan mengenai kebenaran bekerja untuk pelarian dalam pelbagai sektor yang dirasakan sesuai dan mengikut keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kaedah agihan peruntukan kebajikan dan peruntukan pembangunan disalurkan di Kawasan Parlimen yang dimenangi oleh ahli Parlimen pembangkang bagi tempoh Januari hingga September 2023.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peruntukan kebajikan dan pembangunan yang diagihkan kepada di seluruh Malaysia adalah berdasarkan kepada permohonan yang telah diterima daripada masyarakat/ pertubuhan setempat. Permohonan yang diluluskan adalah bersifat *people-centric* bagi memenuhi keperluan semasa dan selanjutnya memberi manfaat terus kepada rakyat.

2. Bagi projek pembangunan, peruntukan sedia ada adalah di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Projek-projek ini diluluskan di seluruh Malaysia yang turut meliputi Kawasan Parlimen Pembangkang dan dijalankan oleh Kementerian/ Agensi berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
[ROMPIN]
TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah yang Kementerian akan laksanakan untuk menghilangkan keresahan kehidupan rakyat terutama golongan B40 terhadap isu kos sara hidup yang semakin hari semakin menghimpit kehidupan rakyat. Nilai wang menjadi lebih kecil berbanding dengan barangan yang dapat dibeli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil perhatian serius terhadap perkara dan isu berbangkit berkaitan harga barangan keperluan rakyat yang memberikan kesan terhadap kos sara hidup.

Kadar harga barangan keperluan rakyat dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman meliputi sistem ekonomi, dasar dan perundangan negara. Sejak sekian lama Malaysia mengadaptasi sistem ekonomi pasaran bebas (free market economy) yang antaranya menjadikan harga barangan dipengaruhi oleh faktor penawaran dan permintaan (supply and demand). Mengambil kira sejak sekian lama sumber bekalan barangan keperluan rakyat khususnya makanan juga bergantung kepada import pada skala yang besar, faktor luar termasuk senario geopolitik dunia, kesan perubahan iklim dan lain-

lain amat terkait dengan kadar penawaran dan harga barangan di pasaran tempatan.

Sementara itu, trend kadar harga barangan keperluan rakyat dizahirkan melalui kadar inflasi negara yang diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP). Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melaporkan kadar inflasi yang berkadaran sama bagi bulan Julai dan Ogos 2023 iaitu 2.0 peratus, sementara kadar terkini iaitu September 2023 adalah 1.9 peratus.

Pada masa yang sama, di peringkat KPDM, pemantauan harga barangan secara harian dilaksanakan melalui Pegawai Pemantau Harga (PPH) di semua daerah. Selain menjadi asas untuk meneliti trend dan kadar harga barangan di pasaran, dapatan pemantauan harga barangan harian boleh diakses oleh awam secara atas talian melalui aplikasi PriceCatcher untuk membolehkan pengguna menyemak maklumat dan membuat perbandingan harga untuk lebih 400 barangan di pasaran mengikut lokaliti.

Usaha untuk menangani kos sara hidup rakyat dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan dan tidak seharusnya hanya tertumpu kepada mekanisme kawalan harga barang. Kawalan harga perlu diimbangi dengan keperluan memastikan wujudnya ekosistem perdagangan dalam negeri yang sihat, mampan dan progresif yang juga merupakan antara teras kefungsi KPDM. Kebergantungan kepada mekanisme kawalan harga bukan hanya membawa implikasi kewangan dan subsidi yang besar, malah dikhuatiri boleh mengganggu dan memberikan kesan kepada akses rakyat kepada keterjaminan sumber bekalan barangan keperluan yang mencukupi di pasaran.

Langkah-langkah yang diambil untuk menangani kos sara hidup rakyat dilaksanakan merentasi pelbagai kementerian dan agensi dengan bidang tanggungjawab masing-masing merangkumi keterjaminan bekalan makanan, penguatkuasaan dalam pelbagai aspek seperti kawalan bekalan, harga, perlindungan pengguna dan pencatutan serta strategi membantu peningkatan pendapatan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB
AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menyelesaikan isu penyelenggaraan rumput di bandar-bandar utama di Malaysia khasnya Bandaraya Alor Setar dan adakah Kementerian bercadang mengembalikan kuasa mengurus penyelenggaraan ini kepada pihak PBT.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan pemantauan dan kawal selia perkhidmatan pemotongan rumput yang telah dibuat serahan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa. Di Bandaraya Alor Setar, jumlah inventori yang diberi perkhidmatan pemotongan rumput oleh SWCorp adalah sebanyak 3,177,902.54m².

Seperti yang Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penyelenggaraan dan pembersihan rumput di Bandaraya Alor Setar secara umumnya melibatkan lima (5) agensi utama iaitu Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Perkhidmatan pemotongan rumput yang diseliasa oleh SWCorp tertumpu kepada kawasan-kawasan bercukai milikan Majlis Bandaraya Alor Setar yang telah diserahkan oleh PBT bagi perkhidmatan pembersihan. Kawasan-kawasan yang dimaksudkan adalah kawasan taman perumahan, tempat-tempat awam tumpuan pelancong dan jalan-jalan milik PBT. Pembersihan ini dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik iaitu Environment Idaman Sdn. Bhd.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh KPKT melalui SWCorp bagi menyelesaikan isu penyelenggaraan rumput di bandar-bandar utama di Malaysia. Bagi perkhidmatan pemotongan rumput, frekuensi standard di bawah KPKT adalah sebanyak dua (2) kali sebulan dan keadaan ketinggian rumput yang telah dipotong hendaklah tidak melebihi 4cm. Pertambahan frekuensi perkhidmatan pemotongan rumput tersebut boleh ditambah sekiranya terdapat keperluan di lapangan dan disemak oleh SWCorp. Kerja pemotongan rumput yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik iaitu Environment Idaman Sdn. Bhd. adalah meliputi kawasan tempat awam dan jalan awam yang disenggara oleh PBT tetapi

SOALAN NO: 46

ianya tidak termasuk jalan yang diwartakan di bawah agensi lain seperti Jabatan Kerja Raya (JKR). Selain itu, sekiranya syarikat konsesi gagal melaksanakan perkhidmatan mengikut standard yang telah ditetapkan, pemotongan bayaran melalui pengenaan ketidakpatuhan KPI akan dilaksanakan oleh SWCorp.

Berdasarkan semakan bagi bulan Januari hingga September 2023, SWCorp hanya menerima sebanyak dua (2) aduan berkenaan pemotongan rumput dari orang awam. Aduan yang diterima menjurus kepada permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan pemotongan rumput di kawasan perumahan baharu yang masih dalam proses penyerahan oleh pihak Majlis Bandaraya Alor Setar kepada SWCorp. Sehingga kini, SWCorp melalui syarikat konsesi Environment Idaman Sdn. Bhd. juga sering memberi bantuan secara *Corporate Social Responsibility* (CSR) di kawasan milikan JKR khususnya jika membabitkan bencana alam seperti banjir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kajian terperinci telah dibuat tentang loji Waste To Energy yang akan dibangunkan di pusat pelupusan sampah Sungai Udang, Melaka kerana projek seumpama ini telah gagal dilaksanakan di beberapa tempat lain disebabkan bantahan daripada orang ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, negeri Melaka hanya mempunyai satu (1) tapak pelupusan sisa pepejal sanitari yang terletak di Sungai Udang, Melaka untuk melupuskan sisa pepejal dari seluruh negeri Melaka. Tapak ini dijangka penuh pada pertengahan tahun 2026. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka telah membuat perolehan tanah seluas 75.6 ekar untuk memanjangkan jangka hayat tapak sehingga tahun 2036. Justeru, bagi memastikan isu kekurangan tanah untuk membina tapak pelupusan sanitari yang baharu di negeri Melaka dapat diatasi, loji rawatan sisa pepejal *Waste to Energy* (WtE) telah dikenal pasti sebagai teknologi yang terbaik untuk diguna pakai kerana ia terbukti mampu mengurangkan isipadu sisa pepejal sebanyak 85% manakala baki 15% sisa boleh digunakan semula untuk membuat batu-bata atau penambakan tanah. Di samping itu, pembinaan WtE dijangka akan dapat menyelesaikan isu bau busuk yang dihadapi oleh

SOALAN NO : 47

penduduk Sungai Udang, Melaka dan mengelakkan pencemaran air larut resap atau *leachate* ke atas saliran air berdekatan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, proses perolehan bagi projek loji rawatan sisa pepejal WtE di Sungai Udang, Melaka ini dilaksanakan secara tender terbuka (*request for proposal*, RFP). Pemilihan pembida berjaya dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kewangan yang terdiri daripada pelbagai agensi Kerajaan yang berkaitan dan juga pensyarah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang pakar dalam bidang berkaitan pengurusan sisa pepejal, kejuruteraan alam sekitar dan tenaga boleh baharu. Pada masa ini, projek WtE Sungai Udang, Melaka di peringkat rundingan terma dan syarat utama perjanjian konsesi bersama pembida berjaya. KPKT menjangkakan perjanjian konsesi tersebut dapat dimuktamadkan pada penghujung tahun 2023.

Setelah itu, pihak syarikat perlu memenuhi syarat duluan (*condition precedent*, CP) dalam tempoh satu (1) tahun sebelum perjanjian konsesi boleh berkuat kuasa. Antara syarat duluan yang perlu dipenuhi adalah kajian terperinci terhadap kaedah pelaksanaan pembinaan WtE seperti kajian impak sosial (*Social Impact Assessment*, SIA), kajian sistem kuasa (*Power System Study*, PSS), reka bentuk dan kajian impak alam sekitar (*Environmental Impact Assessment*, EIA). Libat urus bersama penduduk sekeliling akan dilaksanakan di peringkat ini bagi mengenal pasti dan mengatasi isu-isu berkaitan pencemaran dan kacau ganggu kepada penduduk dan alam sekitar. Seterusnya, setelah syarat duluan tersebut dipenuhi dan disahkan oleh Kerajaan, proses pembinaan loji akan dimulakan. Pembinaan loji dijangka akan mengambil masa dua (2) hingga tiga (3) tahun termasuk kerja-kerja pengujian dan pentauliahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN
MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

**YB TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN
[PERMATANG PAUH]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN
KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kaedah pemulihan projek
perumahan swasta yang dilaksanakan melalui pelantikan pelikuidasi/
pemaju/ kontraktor penyelamat untuk pemulihan projek perumahan
terbiar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek-projek yang telah diisytiharkan terbengkalai akan melalui proses *due diligence* untuk mengenal pasti *viability* dan kaedah terbaik bagi menyelesaikan pemulihan projek-projek tersebut. Mediasi bersama pihak pelikuidasi yang dilantik oleh mahkamah, tuan tanah para pembeli serta institusi pembiayaan akan diadakan bagi mencapai kata sepakat mengenai kaedah pemulihan yang bakal dijalankan.

Menerusi kaedah penyelesaian pembeli, mediasi akan diadakan bersama pihak pelikuidasi yang dilantik oleh mahkamah, para pembeli, serta institusi pembiaya bagi mengenal pasti kesahihan dokumen Perjanjian Jual Beli (PJB) yang telah ditandatangani serta jumlah wang yang telah dibayar oleh pembeli yang terkesan. Pihak pemaju asal atau pelikuidasi (sekiranya pemaju telah digulungkan) atau bank pembiaya akan mendapatkan persetujuan berkenaan jumlah wang yang perlu dibayar balik kepada pihak pembeli / pemaju asal / pelikuidasi.

Menerusi kaedah penyiapan fizikal sehingga memperolehi Sijil Perakuan Siap (CCC) atau Sijil Kelayakan Menduduki (CFO), projek yang bermasalah dibantu pemulihan atau kelancaran projek dengan mengadakan pemantauan, lawatan tapak serta libat urus bersama pemaju/ kontraktor penyelamat, agensi-agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Isu-isu teknikal seperti penyiapan komponen infrastruktur, bekalan elektrik, lampu jalan, jalan raya serta sistem kumbahan dibincangkan dan dimudah cara bersama semua pihak yang terlibat sehingga projek memperolehi CCC atau CFO.

Di samping itu, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga sedang mencari kaedah-kaedah lain yang bersesuaian dan efektif dalam mencegah serta memulihkan projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB PUAN SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:

- (a) bilakah pembinaan PPR Rent to Own Pongsu Seribu akan dilaksanakan; dan
- (b) berapa kos keseluruhan pembinaan PPR tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, berdasarkan keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Program Perumahan Rakyat (PPR) Pongsu Seribu, Kepala Batas adalah PPR Dimiliki dan akan dibangunkan secara tender terbuka. Terkini, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengadakan sesi libat urus dengan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kerajaan Negeri bagi penetapan hala tuju PPR ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah penyelarasan pencen kepada Veteran ATM yang berpencen sebelum 2013 akan dilaksanakan. Apakah implikasi kewangan bagi melaksanakan penyelarasan pencen ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagai makluman, Kerajaan sedang melaksanakan kajian penambahbaikan bagi semua skim perkhidmatan termasuk skim perkhidmatan Angkatan Tentera yang dijangka siap dalam tempoh 8 bulan. Pada masa yang sama, Kementerian Pertahanan sedang berhadapan dengan tuntutan kes saman berkaitan pelarasan pencen di Mahkamah Tinggi Persekutuan oleh sekumpulan Veteran ATM.

2. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan akur terhadap sebarang keputusan penghakiman yang akan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Persekutuan dan pihak Kementerian Pertahanan tidak sewajarnya memberi sebarang ulasan lanjut berhubung perkara ini. Dalam hal ini, sebarang cadangan dan pertimbangan untuk pelarasan pencen pada masa akan datang akan mengambil kira keputusan penghakiman tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KALAM BIN SALAN
[SABAK BERNAM]
TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **PERDANA MENTERI** senaraikan cadangan pindaan utama kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 dan bagaimana ia memberi impak keseimbangan antara prinsip keselamatan rahsia negara dan ketelusan serta akauntabiliti Kerajaan.

JAWAPAN

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)

Tuan Yang Di-Pertua,

Kajian semula bagi meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) adalah untuk:

- (i) Memberi kuasa kepada Pegawai Keselamatan Kerajaan (GSO) untuk menguatkuasakan Akta 88 ini;
- (ii) Menguatkuasakan Notis, Surat Pekeliling, Surat Arahan dan Perintah Tetap Ketua Pengarah Keselamatan

Kerajaan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa;
dan

- (iii) Meningkatkan hukuman sedia ada bagi seksyen-seksyen tertentu.

Dalam hal ini, keperluan kajian semula pindaan Akta 88 ini memerlukan penelitian terutama untuk mengimbangi peruntukan-peruntukan sedia ada atau yang dipinda agar selaras dengan cadangan Kerajaan untuk menggubal Akta Kebebasan Maklumat supaya tidak berlaku sebarang pertikaian atau saling mengatasi antara satu sama lain apabila kedua-dua Akta ini dilaksanakan kelak.

Dalam erti kata lain, hasrat Kerajaan adalah untuk melihat kedua-dua Akta ini akan saling melengkapi antara satu sama lain bagi mencerminkan ketelusan dan akauntabiliti Kerajaan supaya membenarkan perkongsian sesuatu maklumat dan pada masa yang sama melindungi kerahsiaan maklumat dari sebarang ancaman dan kompromi terutama melibatkan keselamatan Negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa serta tidak mengganggu atau memberi kesusahan kepada pentadbiran kerajaan.

Namun begitu, kajian semula Akta 88 ini ditangguhkan sementara bagi mendapatkan keputusan dasar yang jelas dari Kerajaan sama ada keperluan Akta 88 ini perlu dipinda atau dimansuhkan selaras dengan cadangan Kerajaan untuk menggubal Akta Kebebasan Maklumat kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Pekan Padang Serai adalah satu bandar yang sangat pesat membangun. Bandar ini dianggarkan mempunyai 5000 buah rumah kediaman dan lebih 1000 premis perniagaan. Adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah balai bomba yang menjadi keperluan yang sangat penting untuk menangani kecemasan dengan segera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaian bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus terjamin.

Pada masa kini, Padang Serai, Kedah merupakan kawasan di bawah jagaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kulim Hi-Tech dengan jarak sejauh 17 kilometer yang mengambil masa lebih kurang 25 minit untuk sampai. Walau bagaimanapun, seandainya berlaku sebarang insiden kecemasan, respon awal bagi memberi perkhidmatan kebombaian adalah daripada BBP Tasek Gelugor, Pulau Pinang yang berada pada jarak 4.7 kilometer dan mengambil masa lebih kurang sembilan (9) minit untuk sampai ke kawasan tersebut. Sehubungan itu, kawasan Padang Serai masih berada dalam capaian *response time* di bawah 10 minit sekiranya berlaku kecemasan. Keperluan pembinaan BBP di kawasan Padang Serai akan dikaji dari semasa ke semasa dengan merujuk kepada risiko *fire cover* mengikut perkembangan pembangunan persekitaran.

Penduduk di kawasan Padang Serai juga mendapat respon awal daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Lunas, Kedah yang terletak dalam jarak 10 kilometer dengan mengambil masa lebih kurang 15 minit untuk sampai ke Padang Serai. Keanggotaan PBS ini adalah seramai 30 orang ahli yang dilengkapi dengan tiga (3) buah jentera pemadam serta peralatan kebombaian, sebuah pacuan empat roda, sebuah van dan sebuah bot. Selain itu, pemerkasaan pembudayaan amalan keselamatan kebakaran dalam kalangan komuniti setempat di kawasan Padang Serai juga akan terus dipertingkatkan melalui pelaksanaan program-program seperti berikut:

SOALAN NO : 52

- (i) memperluas dan memperkasakan penubuhan Bomba Komuniti. Anggota Bomba Komuniti akan diberi kefahaman mengenai pencegahan kebakaran, latihan kebombaan dan penyediaan peralatan asas kawalan awal kebakaran seperti alat pemadam api; dan

- (ii) mempertingkatkan kempen kesedaran keselamatan kebakaran termasuk Program 1 Rumah 1 Alat Pemadam Api (1RAPI) dan Program Sedia Urus Isi Rumah (SURI).

Sekian, terima kasih.